

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN

TARIKH: 18 JANUARI 2020

MUKA SURAT: 15

## Bomba Perak terima 76 anggota baru

**IPOH** - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak menerima 76 anggota baru yang ditempatkan di balai-balai berisiko di seluruh negeri.

Pengarahnya, Azmi Osman berkata, keutamaan diberikan kepada balai berisiko tinggi dari aspek kebakaran seperti di Ipoh, Manjung dan Tapah.

"Anggota baru ini juga akan ditempatkan di Balai Bomba Pulau Pangkor untuk melengkapkan kekuatan kita sempena pengisytiharan kawasan itu sebagai pulau bebas cukai.

"Walaupun anggota ini masih baru tetapi mereka dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran melalui latihan yang dilaksanakan di akademi bomba," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, penambahan anggota itu akan merancakkan lagi kesiapsiagaan JBPM Perak dalam menangani insiden melibatkan kebakaran, kema-

langan dan khidmat kemanusiaan.

Katanya, ia sekali gus mempergiatkan lagi pelaksanaan kempen keselamatan kebakaran menerusi aktiviti kepada masyarakat.

"Gabungan tenaga sedia ada dan anggota baru ini pasti menghasilkan perkhidmatan lebih cemerlang melalui pengalaman dan fizikal yang mantap," katanya.



JBPM Perak menerima 76 anggota baru yang akan ditempatkan di balai berisiko di Perak.